



Perdana Menteri dan isteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail bergambar bersama delegasi Malaysia selepas menyampaikan Kenyataan Negara Malaysia pada Debat Umum Sesi Ke-78 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York, semalam.

(Foto BERNAMA)

PM ketepi dendam, fokus kepada rakyat

New York: Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, beliau mencontohi bekas Presiden Afrika Selatan, Nelson Mandela, untuk memaafkan, mempunyai belas kasihan dan fokus kepada kebertanggungjawapan demokrasi serta berkhidmat kepada rakyat.

Perdana Menteri berkata demikian ketika menjawab soalan Christiane Amanpour dari CNN berhubung apa yang ditonjolkan dari Mandela dalam aspek kepemimpinan selepas berdepan pengalaman hampir sa-

ma iaitu dipenjarakan.

"Madiba (Mandela) mengajar saya pengajaran sebenar, salah satunya adalah untuk boleh memaafkan, belas kasihan namun pada masa sama, untuk benar-benar fokus kepada kebertanggungjawapan demokrasi dan berkhidmat untuk rakyat.

"Kita sudah hilang fokus dan kini perlu memberi tumpuan semula serta memulakan perubahan dengan mencetuskan pembaharuan untuk demokrasi, keadilan selain memacu pembangu-

nan ekonomi," katanya.

Wawancara dengan Amanpour yang berlangsung di New York disiarkan oleh CNN pada jam 1 pagi waktu tempatan semalam.

Terus lakukan terbaik

Terdahulu, Anwar yang berada di New York sejak Khamis telah menyampaikan ucapan di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) ke-78, buat kali pertama sebagai Perdana Menteri.

Terdahulu, Anwar turut dita-

nya mengenai perasaan beliau berdepan pemimpin dunia selepas dipenjarakan 25 tahun dahulu.

"Adakalanya, saya berfikir bahawa ini semua adalah sebahagian daripada mimpi. Ketika saya sedang bergelut dengan realiti baharu."

"Tetapi saya perlu mengatasi itu semua. Kerana saya ada tugas yang perlu dilakukan. Selepas semua ujian dan kesusahan dihadapi, saya perlu melakukan yang terbaik," katanya.